

**FILEM KARYA, ARAHAN DAN LAKONAN P. RAMLEE:
PAPARAN SEJARAH SOSIAL 1MALAYSIA**



**INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

**KETUA PROJEK: ABDUL RAHMAN BIN AHMAD HANAFIAH - 208019
AHLI: AMINAH ABD. RHAPOR - 203205**

FEBRUARI 2012

Kandungan

- 1. Surat Penyerahan Laporan..... 1
- 2. Surat Tawaran (Grant Penyelidikan)..... 2
- 3. Penghargaan..... 4
- 4. Laporan 5
 - 4.1 Laporan Eksekutif..... 5
 - 4.2 Laporan Eksekutif Penambahbaikan 7
 - 4.3 Pengenalan 9
 - 4.4 Sorotan literatur ringkas 10
 - 4.5 Methodologi..... 14
 - 4.6 Keputusan dan perbincangan..... 14
 - 4.7 Kesimpulan dan cadangan 29
 - 4.8 Rujukan/Bibliograpi 31
- 5. Penemuan/dapatan kajian 32
- 6. Appendix 36

3. Penghargaan

Bismillahirrahmanirrahim. Pengkaji panjatkan rasa kesyukuran kepada Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnianya, maka kajian ini dapat dilaksanakan dengan jayanya, Alhamdulillah. Namun, apapun jua, segala-gala usaha ini tidak akan menjadi kenyataan tanpa penglibatan semua pihak. Pertama kali, penghargaan ditujukan kepada Y.Bhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid bin Abu Bakar, Naib Canselor, UiTM kerana memberi dorongan dan galakkan kepada staf akademik melakukan penyelidikan. Penghargaan dan terima kasih ini juga ditujukan kepada Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Hj. Abdul Rahman bin Omar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Dr. Abu Bakar Abdul Majeed, Penolong Naib Canselor (Penyelidikan), Dr. Oskar Hasdinor Hassan, Ketua Penyelidikan (Sains Sosial dan Pengurusan), kerana sumbangan dan khidmat nasihat yang berguna untuk kajian tersebut. Selain itu penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada Cik Shira dan staf sokongan di RMI yang tidak pernah jemu bekerjasama dan melayani karenah saya ketika berurusan dalam segala hal. Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak yang secara langsung dan tidak langsung kerana segala bantuan dan pandangan. Akhir sekali, penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada Puan Aminah Abd. Rhapor iaitu ahli kumpulan kajian ini yang bekerjasama dalam banyak perkara untuk melengkapi kajian ini. Dengan penuh takzim saya berharap, semoga sikap murni dan mulia ini diteruskan sehingga akhir hayat dan cuma Allah Subhanawattalla sahaja yang dapat membalas segala kebaktian tersebut. Akhir kata, nama kalian semua meninggalkan wangian melur dan kasturi untuk selama-lamanya. AMIN.

ABDUL RAHMAN AHMAD HANAFIAH @ WIRAMANJA
Ketua Penyelidik

4. Laporan

4.1 Laporan Eksekutif

Kajian ini menjurus pembabitan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dalam bidang perfileman. Kebanyakan karya filemnya berkisar tentang permasalahan semua bangsa yang merakamkan sejarah sosial rakyat Malaysia. Sifat kekitaan yang digambarkan dalam filem tersebut banyak memberi cerminan sebenar kehidupan masyarakat dizamannya. Paparan dalam filem tersebut boleh dijadikan pembuktian, rujukan dan pedoman masyarakat audiens¹ berbilang bangsa.

Masyarakat audiens berbilang bangsa dirujuk mereka yang mengecapi kehidupan dalam satu hasrat, satu perjuangan dengan harmoni serta aman sentosa sebagaimana slogan 1Malaysia² yang diilhamkan oleh YAB Datuk Najib Tun Abdul Razak.³ Kajian ini ingin meninjau paparan dalam filem tersebut secara sedar ataupun sebaliknya adalah realiti sebenar kehidupan rakyat Malaysia sebelum merdeka dan selepas mengecapi kemerdekaan. Slogan 1Malaysia yang dicerna dan dilaungkan oleh Perdana Menteri Malaysia amat bersesuaian dan menepati sasaran kajian.⁴

¹ Masyarakat audiens dirujuk sebagai masyarakat penonton yang menjadi filem P. Ramlee sebagai produk mereka.

² Slogan 1Malaysia yang dirujuk dalam kajian ini adalah menjurus tiga kelompok utama masyarakat Malaysia iaitu Melayu (Induk), Cina, India dan lain-lain (kaum minoriti).

³ Konsep ini selari dengan apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Prinsip-Prinsip Rukun Negara. Kajian ini bertepatan konsep 1Malaysia berlandaskan lapan nilai seperti; Budaya kecemerlangan, Ketabahan, Rendah hati, Penerimaan, Kesetiaan, Meritokrasi, Pendidikan, dan Integriti. Lapan nilai murni tersebut mengarapkan harapan cemerlang bangsa Malaysia yang utuh dan bergerak dalam paksi bermasyarakat yang sejahtera, aman dan damai.

⁴ Sasaran kajian sejarah sosial 1Malaysia adalah menjurus kaum majmuk yang dipaparkan dalam filem karya P. Ramlee.

P. Ramlee menggambarkan sejarah sosial dalam masyarakat majmuk di negara ini sebagai *kontrak sosial*.⁴ Konsep perpaduan yang diterapkan dalam filem tersebut menerbitkan perhubungan erat persaudaraan di antara masyarakat Melayu dan kaum lain. Secara total, setiap filemnya membabitkan penyertaan pelbagai kaum yang tanpa disedari slogan 1Malaysia telah diasimilasikan dalam karya tersebut.

Justeru, kajian ini merungkai dan mengupas ciri-ciri perpaduan yang diterapkan dalam karya tersebut yang merakamkan *sejarah sosial* 1Malaysia. Hasil penyelidikan menjadi rujukan dan panduan semua pihak sama ada para penyelidik, pendidik, pelajar universiti dan lain-lain. Penyelidikan tersebut juga sebagai satu dokumentasi dan pemeliharaan khazanah *sejarah sosial* masyarakat Malaysia pelbagai bangsa sebagai satu kontrak sosial. Selain itu, menambah eset khazanah negara dan bidang perfileman dunia Melayu.

Permasalahan kajian merungkai sejarah sosial yang diterapkan dalam filem tersebut menerbitkan perhubungan erat persaudaraan di antara masyarakat Melayu dan kaum lain sebagai pembuktian keharmonian diassimilasi secara halus dalam filem P. Ramlee sebagai satu kontrak sosial rakyat Malaysia. Paparan sejarah sosial dalam filem tersebut menerbitkan perhubungan erat persaudaraan di antara masyarakat Melayu dengan pelbagai kaum sebagai pembuktian kehidupan harmoni rakyat Malaysia sejak

⁴ Kajian ini menjurus sejarah kehidupan masyarakat berbilang kaum yang hidup sebelum dan selepas negara mengecapi kemerdekaan dan kehidupan bermasyarakat sebagai satu elemen perpaduan dan muhibbah.